

Projek Anak Angkat PERTIWI

Projek anak angkat adalah salah satu projek PERTIWI yang telah dilancarkan dari tahun 1976. Program ini diilhamkan oleh Encik Zain Azhari, peguam terkemuka dan penyokong setia PERTIWI. Projek ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dari segi kewangan tetapi berpotensi dalam pelajaran. Projek ini merupakan bantuan kewangan persekolahan yang disalurkan kepada sekolah masing-masing. Dengan program ini PERTIWI telah berjaya membantu ramai pelajar dari sekolah menengah dan sekolah rendah. Kadar bantuan yang diberikan ialah RM40.00 sebulan bagi sekolah rendah manakala RM60.00 sebulan bagi sekolah menengah. Seramai 1863 orang anak angkat PERTIWI sejak ia dilancarkan sehingga kini dan mereka datang dari seluruh semenanjung.

Terdapat beberapa jenis keluarga angkat; ada yang mengambil anak angkat seorang sahaja, ada yang mengambil 10 orang dan ada yang mengambil dari sekolah asalnya sahaja. Ada ibu bapa yang mahu diberitahu siapa anak angkat mereka dan ada juga yang tidak. Ada juga yang menghubungi anak-anak ini dan membawa tinggal bersama semasa musim cuti sekolah. Pada umumnya anak-anak ini akan mengetahui siapa ibu bapa angkat mereka malah terdapat juga yang berutus surat untuk menyatakan penghargaan.

Tabung pendidikan telah diwujudkan bagi merialisasikan projek ini. Tabung pendidikan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada dermawan-dermawan dari sekitar Lembah Klang. Dengan sumbangan ini, pada 24 November 2012 PERTIWI telah dapat menaja program "Pakaian Seragam Sekolah" untuk murid sekolah rendah dan sekolah menengah di sekitar Lembah Klang. Sumbangan ini dibuat dalam bentuk baucher bernilai RM100.00 untuk pembelian pakaian sekolah dan kasut. Kumpulan sasar yang menerima sumbangan ini ialah pelajar daripada Pusat Jagaan Rumah Kesayangan, Petaling Jaya, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pantai, Kuala Lumpur serta pelajar dari Puchong dan Gombak.

Untuk menjalankan projek anak angkat ini, PERTIWI mempunyai jawatankuasa kerja bagi menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan projek ini agar ia diselenggarakan dengan baik dan teratur.